

05/02/2000

Dr M tonton teater Harimau Malaya

KUALA LUMPUR, Jumaat - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, malam tadi meluangkan masa menonton pementasan teater Harimau Malaya - Pejuang Gerila Force 136, di Auditorium Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur (DBKL).

Teater yang memaparkan kisah perjuangan anggota Force 136 menentang tentera Jepun di Perak itu, dianjurkan Unit Kebudayaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan kerjasama DBKL sempena sambutan Hari Wilayah dan 30 tahun penubuhan UKM.

Antara pelakon yang menjayakan teater ini ialah Datuk Jins Shamsuddin sebagai Kol Fujiyama, Jalil Hamid sebagai Penghulu Keroh, Raja Azura (Bunga), Prof Madya Dr (Mej) Muhammad Othman sebagai Lt Kol Dobree serta pelajar UKM.

(END)